



# JABATAN AUDIT NEGARA

Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti

## SEMINAR 'ENHANCING SYNERGY TO FACE NEW CHALLENGES IN PUBLIC SECTOR AUDITING'

**TARIKH : 12 DISEMBER 2012**

**TEMPAT : MULTI PURPOSE HALL  
LEVEL 3, LANAI KIJANG  
BANK NEGARA MALAYSIA  
KUALA LUMPUR**



**LAPORAN SEMINAR  
ENHANCING SYNERGY TO FACE NEW CHALLENGES  
IN PUBLIC SECTOR AUDITING**

**1. PENGENALAN**

- 1.1 Seminar *Enhancing Synergy To Face New Challenges In Public Sector Auditing* telah diadakan pada 12 December 2012 di *Multi Purpose Hall*, Level 3, Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 260 orang pegawai daripada Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam Kementerian/ Jabatan, Agensi Kerajaan serta juruaudit daripada firma audit swasta.
- 1.2 Objektif seminar ini diadakan adalah bagi membolehkan peserta berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta meningkatkan kerjasama seperti berikut:
- a. Mendapat maklumat berkaitan dengan perkembangan terkini pengauditan di sektor awam;
  - b. Meningkatkan komunikasi dan koordinasi di antara juruaudit sektor awam dan juruaudit swasta; dan
  - c. Membentuk jalinan kerjasama dan persepakatan di antara juruaudit dari pelbagai latar belakang.
- 1.3 Seminar ini bermula pada jam 9.00 pagi dengan nyanyian lagu 'Negaraku', bacaan doa oleh Ustaz Ahmad Faizal bin Mohd Akhir dan ucapan aluan Ketua Audit Negara Malaysia.

**2. UCAPAN ALUAN YBHG. TAN SRI DATO' SETIA KETUA AUDIT NEGARA**

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ketua Audit Negara (KAN) mengucapkan salam, selamat datang dan salam 1Malaysia kepada semua peserta.

- 2.1 YBhg. Tan Sri KAN memulakan ucapan dengan menyatakan bahawa seminar yang diadakan ini merupakan platform untuk berkongsi pendapat, pengetahuan dan pengalaman di kalangan peserta daripada Firma Audit Swasta (FAS) dan Unit Audit Dalam (UAD) yang merupakan rakan strategik (*strategic partner*) kepada Jabatan Audit Negara. Kerjasama ini perlu dipupuk bagi memenuhi harapan rakyat yang mahukan tadbir urus yang baik (*good governance*) dipraktikkan dalam pentadbiran Kerajaan.
- 2.2 YBhg. Tan Sri KAN juga menyatakan bahawa sesi dialog akan turut diadakan bagi membolehkan peserta memberikan pandangan dan pendapat ke arah meningkatkan prestasi pengauditan sektor awam. Hasil daripada persidangan ini juga diharapkan

peserta memahami cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Audit Negara. YBhg. Tan Sri KAN menggariskan 4 cabaran yang akan dihadapi seperti berikut:

- i. *Government Transformation Programme (GTP)* akan memasuki fasa kedua pada tahun 2013 yang dikenali sebagai GTP2. Salah satu *National Key Result Area (NKRA)* yang ditetapkan adalah memerangi rasuah yang mana Jabatan Audit Negara (JAN) turut diberikan peranan dalam meningkatkan akauntabiliti dan integriti khususnya yang berkaitan dengan pengurusan perolehan (*procurement*). Di bawah GTP1 beberapa langkah telah diambil bagi meningkatkan ketelusan di dalam pengurusan perolehan seperti mengadakan pengurusan nilai (*value management*), memaparkan butir-butir perolehan di laman web Kementerian/Jabatan dan sebagainya. Di bawah GTP2, JAN diminta menjalankan susulan bagi memantau tindakan yang diambil oleh pihak-pihak yang terlibat terhadap isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Selain itu, Kerajaan telah memutuskan bahawa LKAN akan dibentangkan pada setiap sesi parlimen atau sekurang-kurangnya 3 kali setahun mulai tahun 2013. Ianya merupakan satu cabaran terutamanya kepada juruaudit yang terlibat dengan pengauditan prestasi.

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara turut menyentuh mengenai kesungguhan kementerian/jabatan/agensi Kerajaan dalam memperbaiki prestasi kewangan masing-masing. Melalui pengauditan penyata kewangan dan pengauditan pengurusan kewangan, adalah didapati prestasi penyediaan penyata kewangan adalah bertambah baik di mana semakin kurang sijil bersyarat dikeluarkan. Prestasi pengurusan kewangan juga menunjukkan peningkatan di mana lebih banyak kementerian/jabatan/agensi Kerajaan memperoleh 4 bintang berbanding 5 tahun lepas semasa pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti) mula diperkenalkan.

- ii. Inisiatif ke 2 adalah mewujudkan satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara melibatkan semua agensi penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau tindakan yang telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam LKAN. Berdasarkan pengalaman lepas, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan hanya mengeluarkan amaran secara pentadbiran kepada pegawai yang terlibat atau langsung tiada tindakan diambil.
- iii. Jabatan Audit Negara juga diminta mewujudkan *dashboard* di dalam laman web Jabatan Audit Negara yang akan memaparkan kedudukan isu-isu yang

dilaporkan dalam LKAN serta tindakan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan terhadap isu-isu tersebut. Inisiatif ini membolehkan orang awam mengikuti perkembangan isu-isu yang dibangkitkan.

- iv. Kerajaan juga telah memutuskan untuk menubuhkan Putrajaya *Inquisition* yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri bagi memantau isu-isu yang masih belum diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.

- 2.3 Selain daripada cabaran yang dinyatakan di atas, sebagai ahli *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dan *Asian Organisation of Supreme Audit Institutions* (ASOSAI), Jabatan Audit Negara juga perlu bersedia melaksanakan *International Standard of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) semasa menjalankan pengauditan bagi memastikan pengauditan yang dijalankan berkualiti. Pegawai di Jabatan Audit Negara juga perlu meningkatkan pengetahuan mengenai *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS) iaitu piawaian perakaunan yang diguna pakai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam menyediakan penyata kewangan Kerajaan. Kedua-dua perkara ini iaitu ISSAI dan IPSAS akan dibincangkan dengan lebih lanjut semasa sesi seterusnya. YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara juga menyentuh mengenai pelaksanaan Perakaunan Asas Akruan yang merupakan salah satu inisiatif di bawah GTP2 apabila secara dasarnya kerajaan akan melaksanakan *Outcome Bases Budgeting* (OBB) mulai tahun 2015. Dengan pelaksanaan perakaunan asas akruan, kesemua kementerian akan menyediakan Penyata Kewangan mereka sendiri.
- 2.4 Cabaran-cabaran ini memperlihatkan bahawa peranan Jabatan Audit Negara dengan dibantu oleh Firma Audit Swasta dan Unit Audit Dalam semakin diperlukan dalam memenuhi harapan rakyat yang mahu *good governance* dilaksanakan dalam pentadbiran Kerajaan. Beliau menekankan tentang perlunya ada sinergi, pertukaran fikiran, perbincangan dengan rakan strategik daripada Firma Audit Swasta dan Unit Audit Dalam bagi bersama-sama mengharungi cabaran ini.
- 2.5 Sebelum mengakhiri ucapannya, YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara merakamkan ucapan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia dan ahli panel yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan penganjuran Seminar *Enhancing Synergy To Face New Challenges In Public Sector Auditing*.

### 3. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

#### 3.1 SESI 1 – PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

##### A. *The Role Of The Audit Oversight Board In Enhancing Audit Quality*

Oleh : Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff  
Pengerusi Eksekutif, Audit Oversight Board  
Lembaga Pemantauan Audit (AOB)  
Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia

Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff telah membentangkan kertas kerja mengenai *The Role of the Audit Oversight Board in Enhancing Audit Quality*. Lembaga Pemantauan Audit (OAB) adalah badan yang bertanggungjawab menjalankan pengauditan bebas yang berkualiti tinggi bagi memastikan kualiti dan keboleh bergantung (*reliability*) penyata kewangan entiti awam di Malaysia. Beliau menjelaskan tentang peranan OAB antaranya menetapkan pemakaian standard pengauditan oleh firma audit, pendaftaran firma audit dan juruaudit, menjalankan pemeriksaan dan memantau tindakan penambahbaikan, menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap firma audit yang melanggar etika pengauditan atau melanggar peraturan serta mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan sama ada dalam dan luar negeri bagi meningkatkan kualiti pengauditan. Seterusnya beliau menerangkan mengenai komponen yang perlu ada bagi menghasilkan pengauditan yang berkualiti, antaranya seperti berikut:

- Sumber manusia yang mencukupi dan berkelayakan serta struktur organisasi yang mantap.
- Etika dan *profesional value* yang dipraktikkan oleh juruaudit semasa menjalankan pengauditan dan memberikan pendapat audit serta tanggungjawab sosial kepada masyarakat.
- Pematuhan kepada standard pengauditan bagi memastikan pendapat audit disokong dengan bukti yang kukuh dan mencukupi.

Beliau juga menyentuh mengenai elemen utama kawalan kualiti yang diberi penekanan oleh OAB semasa menilai prestasi firma audit iaitu kawalan di peringkat organisasi serta mekanisme kawalan dan proses audit. Penilaian yang dijalankan antaranya bertujuan untuk menentukan sama ada pihak pengurusan firma audit menetapkan hala tuju yang jelas dan tepat, menyediakan persekitaran kerja yang kondusif seperti keseimbangan antara prestasi juruaudit dan insentif dan isu-isu berkaitan pengurusan sumber manusia serta mekanisme dan kawalan *audit engagement*.

Beliau seterusnya menerangkan mengenai cabaran untuk melaksanakan pengauditan yang berkualiti. Antaranya adalah seperti berikut:

- Kualiti kepimpinan pihak pengurusan.
- Pematuhan terhadap kawalan kualiti yang diwujudkan.
- Kepakaran untuk menjalankan pengauditan.
- Perkembangan teknologi.
- *Professional skepticism* iaitu kemampuan juruaudit mengenal pasti sesuatu isu dengan tepat dan tidak hanya menerima penjelasan auditi tanpa terlebih dahulu menjalankan semakan yang lebih terperinci.
- Kemampuan juruaudit untuk berfikir secara kreatif/kritikal dan tidak hanya bergantung kepada senarai semak.
- Kemampuan untuk memahami risiko/isu lebih awal supaya pengauditan yang dijalankan lebih komprehensif dan semua isu-isu utama dan signifikan dapat dibangkitkan. Bagi tujuan ini perbincangan awal dengan semua ahli pasukan sebelum pengauditan dijalankan perlu dipraktikkan.

Penceramah juga menyentuh mengenai cabaran yang akan dihadapi oleh Jabatan Audit Negara apabila perakaunan asas akruan dilaksanakan terutamanya berkaitan pengetahuan dan pemahaman mengenai standard perakaunan yang akan diguna pakai serta pengesahan terhadap nilai aset yang dilaporkan.

## **B. *INTERNATIONAL STANDARDS OF SUPREME AUDIT INSTITUTION (ISSAI) ON FINANCIAL AUDIT***

Oleh : Puan Ong Swee Leng  
Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun  
Jabatan Audit Negara


Puan Ong Swee Leng telah membentangkan Kertas Kerja mengenai *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) on Financial Audit* yang merupakan salah satu daripada cabaran yang akan dihadapi oleh Jabatan Audit Negara.

Beliau menerangkan bahawa ISSAI merupakan standard pengauditan yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Standard Profesional, *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) yang dianggotai oleh

seramai 191 ahli SAI (Supreme Audit Institution) bagi memberi panduan kepada juruaudit yang terlibat dengan pengauditan sektor awam.

Persidangan ke 20 INCOSAI yang diadakan di Afrika Selatan pada tahun 2010 telah mengeluarkan resolusi bahawa negara-negara ahli INTOSAI akan menggunakan ISSAI *framework* dalam pengauditan di sektor awam. ISSAI boleh dijadikan penanda aras kepada setiap negara untuk menilai dan membuat perbandingan dengan standard/garis panduan pengauditan sedia ada yang diguna pakai oleh negara tersebut. Selain itu, negara-negara berkenaan juga boleh berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan ISSAI.

*Professional Standard Committee* (PSC), INTOSAI mempunyai 3 sub-jawatankuasa iaitu sub-jawatankuasa garis panduan pengauditan penyata kewangan, pengauditan pematuhan dan pengauditan prestasi. Setiap sub-jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar dari Negara ahli dan bertanggungjawab mengeluarkan *practice notes*. *Practice notes* adalah panduan komprehensif yang boleh dirujuk oleh juruaudit sektor awam semasa menjalankan pengauditan. Rangka kerja ISSAI bagi Pengauditan Penyata Kewangan dibahagikan kepada beberapa komponen seperti berikut:



Beliau seterusnya memaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara telah menjalankan *gap analysis* antara ISSAI dengan garis panduan pengauditan yang diguna pakai oleh Jabatan. Adalah didapati Jabatan Audit Negara telah mematuhi kehendak 20 ISSAI, 15 ISSAI boleh dipatuhi dengan pindaan untuk disesuaikan dengan persekitaran Jabatan Audit Negara manakala pemakaian 4

ISSAI akan dipertimbangkan sekiranya tidak bercanggah dengan peraturan kewangan Kerajaan.

Penceramah juga menyentuh mengenai beberapa perbezaan pematuhan terhadap standard pengauditan oleh sektor awam dan swasta disebabkan oleh kehendak undang-undang atau obligasi untuk memenuhi kepentingan awam, antaranya berkaitan dengan perkara seperti berikut:

- *Agreeing to the Terms of Audit.*
- *Identify Fraud and Errors.*
- *Risk Assessment and Audit Procedures.*
- *Materiality.*

Pelaksanaan ISSAI adalah merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi oleh semua juruaudit dan dengan ini semua pihak perlu bersedia meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai ISSAI. Penceramah telah mencadangkan model pelan pelaksanaan ISSAI (*Proposed ISSAI role out model*) seperti berikut :

- a) Peringkat pertama – Program kesedaran (*awareness* mengenai ISSAI), latihan dan perkongsian pengetahuan serta pengalaman dengan negara lain yang telah melaksanakan ISSAI.
- b) Peringkat kedua – Penubuhan jawatankuasa teknikal bagi mengkaji dan menyediakan garis panduan/manual yang memenuhi/mematuhi keperluan ISSAI.
- c) Peringkat tiga – Melaksanakan ISSAI (*ISSAI Compliance*) bagi pengauditan penyata kewangan

Sesi 1 berakhir dengan sesi soal jawab antara peserta dan penceramah seperti berikut:

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Penceramah
1.	<p><b>Encik Ragendra Singh</b></p> <p>Bilakah ISSAI akan mula dilaksanakan?</p> <p>Sejauh mana Jabatan Audit Negara telah mematuhi ISSAI ?</p> <p>Adakah ianya dilakukan secara komprehensif atau dengan mengambil kira modifikasi.</p>	<p><b>Puan Ong Swee Leng</b></p> <p>Pelaksanaannya diputuskan dalam resolusi INCOSAI ke 20 pada tahun 2010 dan Jabatan Audit Negara masih dalam peringkat kajian pematuhan.</p> <p>ISSAI didatangkan dengan <i>practice notes</i> bagi memastikan</p>



Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Penceramah
		keberkesanan pelaksanaan standard dan setiap SAI boleh mengadaptasi standard tersebut untuk disesuaikan dengan persekitaran negara berkenaan.
2.	<p><b>Puan Marlia Binti Abbas</b> <b>Jabatan Audit Negara</b></p> <p>Sekiranya Jabatan Audit Negara telah mempraktikkan kebanyakan standard dalam ISSAI, kenapa cadangan <i>model roll out</i> mengambil masa yang panjang iaitu sehingga tahun 2013/2014 ?</p>	<p><b>Puan Ong Swee Leng</b></p> <p>Semakan telah dibuat terhadap 39 ISSAI dan sebahagiannya boleh dilaksanakan tanpa membuat sebarang pindaan terhadap garis panduan pengauditan sedia ada manakala sebahagian lagi perlu dikemas kini.</p>

### 3.2 SESI 2 - PERBINCANGAN PANEL

#### “GEARING UP FOR IPSAS - CHALLENGES & IMPACT”

Sesi ini telah diisi dengan pembentangan kertas kerja yang disampaikan oleh 3 panel jemputan. Pemudahcara adalah Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan, Pengarah Jabatan Audit Negeri Sarawak.

#### 3.2.1 Ahli Panel 1

En. Mohammad Faiz Bin Azmi

Pengerusi, Malaysian Accounting Standards Boards (MASB)

En. Mohammad Faiz telah membentangkan Kertas Kerja dengan membincangkan mengenai perkara-perkara berikut:

- Pengenalan Perakaunan Sektor Swasta.
- IFRS: Perkongsian Pengalaman MASB.
- IPSAS: Impak Dan Cabaran.

Encik Mohammad Faiz menerangkan secara ringkas mengenai sejarah pemakaian standard perakaunan di Malaysia. Sebelum tahun 1997, standard perakaunan yang diguna pakai adalah *International Accounting Standards* (IAS). Bagaimanapun, tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan semua syarikat/agensi mematuhi IAS. Pada tahun 1997, *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) ditubuhkan dan *Financial Reporting Act* 1997 telah diwartakan yang memberi kuasa kepada MASB menguatkuasakan pemakaian standard perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB atau standard perakaunan yang diiktiraf oleh MASB. Pada tahun 2007 *International Financial Reporting Standards* (IFRS) telah diperkenalkan

dan pada tahun 2012 *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) telah mula diguna pakai. Pematuhan terhadap standard perakaunan yang diterima umum akan meningkatkan daya saing sesebuah syarikat/agensi serta mendapat kepercayaan di peringkat global.

Beliau seterusnya berkongsi pandangan mengenai cabaran dan kesan pelaksanaan *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS) dalam persekitaran perakaunan asas akruan. Peralihan daripada perakaunan asas tunai kepada perakaunan asas akruan membawa beberapa kebaikan seperti penyediaan penyata kewangan yang lebih telus, memperteguh akauntabiliti dan integriti, menambah baik perancangan dan pengurusan kewangan, menyokong pelaksanaan pengurusan berorientasikan pencapaian serta penyediaan penyata kewangan yang seragam dalam sektor awam. Bagaimanapun, beberapa cabaran perlu dihadapi bagi melaksanakan IPSAS seperti berikut:

- Penilaian terhadap aset terutama iaitu aset warisan/aset yang mempunyai nilai sejarah, tanah dan bangunan milik Kerajaan serta kemudahan awam seperti taman-taman, jalan raya dan sebagainya.
- Penilaian terhadap liabiliti terutama pencen dan faedah persaraan.
- Pelaporan maklumat yang sensitif seperti peralatan pertahanan awam.

Selain itu, antara cabaran lain yang perlu dihadapi oleh akauntan dan juruaudit dengan pelaksanaan perakaunan asas akruan adalah seperti berikut:

- Kekurangan juruaudit/akauntan yang mahir dengan IPSAS.
- Kekerapan perubahan dalam IFRS yang memberi kesan kepada IPSAS.
- IPSAS adalah berasaskan prinsip yang memerlukan budi bicara dan berkemungkinan timbul perbezaan tafsiran. Juruaudit/akauntan perlu memahami dengan jelas “kenapa” dan bukan hanya “apa”.
- Keperluan untuk menyediakan penyata kewangan berasaskan tunai dan akruan semasa tempoh peralihan.
- Keperluan kepada perubahan metodologi pengauditan.
- Juruaudit perlu mempelajari dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran bagi mengaudit komponen baru penyata kewangan seperti penyata kedudukan kewangan, penyata prestasi kewangan, penyata

perubahan aset dan ekuiti dan sebagainya. Juruaudit juga perlu ada kemahiran untuk mengaudit aset dan liabiliti.

Beliau merumuskan pembentangan dengan memberi beberapa cadangan bagi menghadapi cabaran di atas iaitu dengan mengadakan latihan yang berterusan, melahirkan lebih ramai juruaudit/akauntan yang mahir dengan IPSAS serta terlibat secara aktif dengan aktiviti *International Federations of Accountant*. Selain itu, semua pihak yang terlibat perlu peka dengan perkembangan semasa.

### 3.2.2 Ahli Panel 2

Encik Er Beng Kiong

Timbalan Pengarah, Pasukan Projek Perakaunan Akruan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Encik Er Beng Kiong telah berkongsi pengalaman beliau mengenai transformasi Kerajaan kepada perakaunan asas akruan serta proses bagi menyediakan standard perakaunan sektor awam yang dikenali sebagai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS). MPSAS adalah merupakan *adoption* daripada *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS). Pada dasarnya Kerajaan telah mematuhi IPSAS bagi penyediaan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berasaskan tunai. Penyediaan MPSAS adalah persediaan kerajaan bagi peralihan penyata kewangan daripada penyata kewangan asas tunai kepada asas akruan pada tahun 2015.

Beliau memaklumkan mengenai perkembangan terkini projek pembangunan perakaunan asas akruan seperti berikut:

- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menubuhkan Unit Polisi Dan Piawaian yang bertanggungjawab menyediakan draf standard perakaunan untuk dibincangkan dalam *Government Accounting Standards Advisory Committee* (GASAC) dan seterusnya GASAC akan mengeluarkan *exposure draft*. Sehingga bulan Disember 2012, sebanyak 9 *exposure draft* telah dikeluarkan dan 3 MPSAS telah diluluskan.
- Polisi Perakaunan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan.

Seterusnya beliau memaklumkan bahawa MPSAS adalah terpakai kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan Negeri dijangka akan melaksanakan perakaunan asas akruan pada tahun 2016. Manakala bagi badan-badan berkanun dan lain-lain

agensi Kerajaan yang telah mengguna pakai IFRS, tarikh kuat kuasa pematuhan kepada MPSAS masih belum ditetapkan.

Encik Er Beng Kiong juga berkongsi pengalaman beliau mengenai cabaran yang dihadapi bagi melaksanakan perakaunan asas akruan. Antara cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

- Perbezaan antara asas perakaunan dan bajet di mana penyata kewangan disediakan berasaskan akruan manakala bajet disediakan berasaskan tunai. Bagi mengatasi masalah ini, sistem perakaunan yang akan dibangunkan berkeupayaan untuk menyediakan 2 lejar iaitu lejar berasaskan tunai dan akruan.
- Pindaan terhadap Akta Tatacara Kewangan 1957 dan akta yang berkaitan bagi menyelesaikan beberapa perkara yang ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada seperti konsep Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- Penetapan baki awal bagi aset dan liabiliti memandangkan rekod mengenai sebahagian aset tidak diselenggarakan dengan teratur.
- Pelaporan bagi aset warisan (*heritage asset*) atau aset yang mempunyai nilai sejarah memandangkan kesukaran untuk menentukan nilai aset berkenaan. Pada peringkat awal JANM tidak akan melaporkan *heritage asset*.
- Pelaporan aset yang sensitif dan boleh mengancam keselamatan negara seperti peralatan ketenteraan. Isu yang timbul adalah sama ada aset-aset tersebut perlu dilaporkan secara terperinci atau sebagai satu jumlah besar (*lump-sum figure*).
- Kompetensi pegawai di mana pegawai kewangan dan perakaunan perlu menjalani latihan intensif dan komprehensif bagi memastikan mereka boleh mencapai kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan perakaunan asas akruan.
- Kerjasama dan penglibatan awal Jabatan Audit Negara.
- Menaik taraf sistem perakaunan sedia ada dengan membangunkan 1GFMS (*Government Financial and Management Accounting System*).

### 3.2.3 Ahli Panel 3

En. Thomas Muller Marques Berger  
Global Leader of Ernst & Young's IPSAS Team

En. Thomas Muller telah membentangkan Kertas Kerja mengenai cabaran dan impak pelaksanaan perakaunan asas akruan. Beliau menjelaskan antara motivasi yang membawa kepada perubahan dalam sistem perakaunan adalah seperti berikut:

- Tekanan antarabangsa (*International pressure*) – sekiranya sesebuah negara ingin bersaing di peringkat antarabangsa, perubahan perlu dilakukan termasuk perubahan terhadap sistem perakaunan terutama bagi negara-negara yang tidak mengamalkan ketelusan di dalam penyediaan penyata kewangan.
- Tekanan daripada pasaran modal (*pressure of capital market*) – Kerajaan tidak lagi boleh dianggap tiada risiko (*risk free*) terutama selepas krisis kewangan yang berlaku di Eropah.
- Amalan terbaik (*best practice*) – berlumba-lumba untuk mencapai dan melaksanakan amalan terbaik.

Beliau seterusnya menyentuh mengenai cabaran yang perlu dihadapi seperti berikut:

- *Psikologi /logic*  
Persoalan yang sering berbangkit adalah bagaimana hendak menguruskan persepsi awam dan politik sekiranya berlaku sesuatu yang diluar jangkaan seperti ekuiti yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah negatif. Adakah ia sesuatu yang membimbangkan atau disebabkan perkara-perkara lain yang tidak menjejaskan kedudukan kewangan seperti perbezaan tarikh pengiktirafan aset dan liabiliti.
- Pengurusan projek  
Beberapa perkara perlu diberi perhatian berkaitan dengan pengurusan projek, antaranya adalah seperti berikut:
  - Pasukan projek - isu berkaitan ketidakpastian atau motivasi di kalangan ahli pasukan projek seperti timbul persoalan kenapa mereka dimasukkan dalam pasukan projek, apakah manfaat yang diperolehi dan sebagainya. Selain itu, aspek latihan dan pembangunan kapasiti juga diberi perhatian.

- Jaminan kualiti – pihak pengurusan projek hendaklah memastikan kawalan kualiti yang sewajarnya diwujudkan.
- Dokumentasi – setiap maklumat yang penting hendaklah direkodkan dengan teratur seperti kaedah penilaian aset .
- Strategi pelaksanaan – pihak pengurusan projek perlu menilai dan memilih pendekatan pelaksanaan projek yang paling sesuai

➤ Teknikal

- rangka kerja teknikal
- pengumpulan data yang lengkap mengenai aset termasuk infrastruktur awam seperti jalan raya dan taman-taman awam serta aset warisan (*heritage*);
- pelaporan liabiliti jangka panjang yang melibatkan komitmen yang tinggi seperti pencen dan faedah persaraan.
- *consolidation of account.*

Beliau juga membincangkan mengenai impak pelaksanaan perakaunan asas akruan. Pada pandangan beliau impak paling utama adalah penerimaan orang awam/ahli politik mengenai peralihan tersebut. Selain itu, pelaksanaan perakaunan asas akruan juga akan memberi kesan kepada pengauditan dan juruaudit perlu berada di hadapan dari segi pengetahuan dan kemahiran.

Sebagai rumusan beliau menyatakan bahawa perubahan kepada perakaunan asas akruan melibatkan perubahan polisi. Sehubungan itu, semua pihak yang terlibat perlu jelas titik permulaan perubahan ini dan perlu jelas dan faham mengenai manfaat daripada perubahan tersebut. Pelaksanaan projek tidak semestinya dibuat secara menyeluruh pada secara serentak dalam satu masa, tetapi boleh dibuat secara berperingkat dengan memberi fokus kepada isu-isu utama.

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Penceramah
1	<p><b>Encik Khairul Azhar PriceWaterhouseCoopers</b></p> <p>Bagaimana Kerajaan merekodkan aset dalam perakaunan berasaskan akruan? Adakah Kerajaan</p>	<p><b>Encik Er Beng Kiong Jabatan Akauntan Negara</b></p> <p>Threshold yang ditetapkan adalah RM10,000. Dengan ini hanya aset yang bernilai lebih daripada RM10,000 akan dipermodalkan.</p>

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Penceramah
	menetapkan threshold untuk pelaporan aset ?	<p><b>En. Thomas Muller Marques Berger</b></p> <p>Perkara ini melibatkan penetapan tahap materialiti yang mana mungkin ada perbezaan pandangan antara akauntan dan juruaudit. Bagaimanapun, perkara ini adalah bergantung pada undang-undang atau polisi yang ditetapkan.</p>
2	<p><b>Encik Raja Sunthara a/ Raja Gopal</b> <b>Jabatan Audit Negara</b></p> <p>Jika ada penemuan audit yang material dan signifikan serta memerlukan pindaan kepada penyata kewangan. Bagaimanapun, perkara tersebut tidak dinyatakan dengan jelas di dalam IPSAS.</p> <p>Adakah Jabatan Akauntan Negara boleh membuat pindaan kepada penyata kewangan berdasarkan kepada cadangan Audit atau perlu menunggu sehingga pindaan dibuat terhadap IPSAS.</p>	<p><b>Encik Mohammad Faiz bin Azmi</b></p> <p>Berdasarkan pengalaman beliau semua perkara yang signifikan telah dinyatakan dengan jelas di dalam IPSAS.</p> <p>Bagaimanapun, berkemungkinan ada aset milik Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan di dalam penyata kewangan syarikat (<i>Government Link Company</i>) atau badan berkanun tetapi tidak dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Isu yang berbangkit di sini adalah isu mengenai penyediaan Penyata Kewangan Yang Disatukan (<i>Consolidation Accounts</i>).</p> <p><b>En. Thomas Muller Marques Berger</b></p> <p>Beliau memberikan pandangan bahawa sekiranya garis panduan mengenai perkara tersebut tidak dinyatakan dengan jelas di dalam IPSAS, juruaudit boleh merujuk kepada standard-standard yang lain seperti IFRS. Beliau juga menegaskan bahawa Malaysia mengguna pakai MPSAS dan bukan IPSAS. Dengan ini, pindaan hendaklah dibuat kepada MPSAS.</p>
3	<p><b>Encik Seegar</b></p> <p>Beliau berkongsi pengalaman <i>Infrastructure, capitalized. Cash policy. Unstand excellence how to manage structure asset. Private commercial value, privatized ask them how the record.</i></p>	<p><b>En. Thomas Muller Marques Berger</b></p> <p>Kaedah pengauditan juga akan berbeza apabila bertukar kepada perakaunan asas akruan. Proses yang terlibat perlu dikenalpasti. Semua pegawai perlu memahami apa yang perlu dilakukan dan pengauditan lanjut dibuat. Perhatian khusus perlu diberikan kepada aset ketenteraan, dimana tidak semua</p>

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Penceramah
		maklumat perlu dipaparkan bagi menjamin kerahsiaan. Isu juga berbangkit berkenaan dengan alat ganti yang mempunyai usia panjang dan sebagainya.
4	<p><b>Mohd Fauzi MF &amp; Co</b></p> <p>Bertanyakan mengenai aset tidak dapat di laporkan/ dinyatakan keseluruhannya secara serentak semasa perakaunan akruan mula dilaksanakan.</p>	<p><b>En. Thomas Muller Marques Berger</b></p> <p>Bagi memberikan gambaran keseluruhan aset, <i>adjustment</i> akan dilakukan terhadap perubahan yang berlaku. Program pengauditan akan dbuat 5 tahun, akan dikurangkan kepada 3 tahun yang menjadi amalah di negara-negara yang melaksanakan perakaunan terakru.</p> <p><b>En. Mohammad Faiz bin Azmi</b></p> <p>Menyatakan bagi menentukan tempoh 5 tahun atau sebagainya, bergantung kepada Kerajaan akan bergantung kepada pasaran (<i>capital market</i>) dalam memastikan organisasi boleh menanggung kewangannya sendiri. Agensi Kerajaan yang boleh menanggung sendiri kos operasinya perlu berada dalam tempoh ini.</p>

### 3.3 SESI 3 - PEMBENTANGAN KERTAS KERJA PENILAIAN PRESTASI FIRMA AUDIT SWASTA

Oleh : Tuan Haji Aziz bin Mohd Akil  
Pengarah, Sektor Pengurusan  
Jabatan Audit Negara

Tuan Hj. Aziz telah membentangkan kertas kerja mengenai penilaian prestasi Firma Audit Swasta (FAS) bagi tahun kewangan 2010 dan 2011. Antara perkara yang dibentangkan adalah seperti berikut:

- Bilangan akaun yang diaudit
- Perlantikan FAS
- Kriteria pelantikan FAS dan syarat-syaratnya
- Pemantauan prestasi FAS oleh Jabatan Audit Negara
- Prestasi semasa FAS



Beliau menyatakan pelantikan FAS untuk menjalankan pengauditan bagi pihak Ketua Audit Negara adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 7(3) Akta Audit 1957. Beliau seterusnya memaklumkan bahawa bilangan akaun yang diaudit oleh FAS dalam tahun 2011 adalah 372 akaun manakala dalam tahun 2012 adalah 384 akaun. Pelantikan FAS dibuat berdasarkan kepada peraturan kewangan semasa iaitu secara rundingan terus sekiranya yuran audit kurang daripada RM50 ribu, secara sebut harga sekiranya yuran audit melebihi RM50 ribu tetapi kurang daripada RM500 ribu dan sekiranya lebih daripada RM500 ribu, pelantikan perlu mendapatkan perakuan lembaga perolehan agensi/kementerian.

Beliau turut memaklumkan mengenai kriteria pelantikan FAS dan syarat-syarat berkaitan iaitu lokasi FAS dengan pejabat yang diaudit, keupayaan FAS menyediakan tenaga kerja, berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan tempoh lantikan selama 2 + 1 tahun tertakluk kepada prestasi FAS. Kenaikan yuran 10% boleh dipertimbangkan dengan pertambahan skop kerja, persetujuan agensi yang diaudit dan atas cadangan Jabatan Audit Negara.

Beliau seterusnya menyatakan pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara terhadap prestasi FAS adalah bertujuan untuk memastikan FAS mematuhi terma/syarat kontrak, menilai prestasi FAS bagi tujuan pelantikan semula, memastikan FAS menjalankan pengauditan dengan sempurna dan teratur serta meninjau permasalahan yang dihadapi oleh FAS semasa menjalankan pengauditan. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan bagi tahun 2010, sebanyak 38 FAS menunjukkan prestasi baik, prestasi bagi 10 FAS adalah memuaskan dan 8 lagi tidak memuaskan. Manakala bagi tahun 2011, prestasi bagi 38 FAS adalah baik, 12 memuaskan dan 5 tidak memuaskan. Sesi ke 3 berakhir dengan sesi soal jawab antara peserta dan penceramah seperti berikut:

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Penceramah
1.	<p><b>YBhg. Datuk Juhari bin Harun Pengarah Audit JAN Sabah</b></p> <p>YBhg. Datuk Juhari memaklumkan bahawa berlaku peningkatan kos semasa pengauditan dan dengan ini beliau mencadangkan supaya yuran audit perlu disemak semula.</p>	<p><b>Tuan Hj. Aziz bin Mohd Akil</b></p> <p>Perkara ini akan dipertimbangkan dengan merujuk kepada garis panduan sedia ada.</p>
2.	<p><b>Encik Musa bin Ismail Azman, Wong Salleh and Co.</b></p> <p>En. Musa menyatakan pendapatnya bahawa penilaian prestasi FAS yang turut mengambil kira maklum balas daripada auditi boleh menyebabkan berlakunya diskriminasi.</p>	<p><b>Tuan Hj. Aziz bin Mohd Akil</b></p> <p>Penilaian yang dibuat telah mengambil kira perkara dibangkitkan. Bagaimanapun, perkara ini akan dikaji dari semasa ke semasa.</p>

### 3.4 SESI 4 : DIALOG DENGAN JABATAN AUDIT NEGARA

Sesi terakhir seminar adalah sesi Dialog Dengan Jabatan Audit Negara. Barisan pegawai tertinggi yang terlibat adalah YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara; YBhg. Dato' Mustafa Bin Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri); Puan Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Tuan Hj. Aziz bin Mohd Akil, Pengarah Sektor Pengurusan.

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara memulakan sesi dengan memberi ulasan mengenai tema seminar *Enhancing Synergy To Face New Challenges In Public Sector Auditing* dan kaitannya dengan cabaran yang akan dihadapi oleh ketiga-tiga rakan strategik iaitu Jabatan Audit Negara, Firma Audit Swasta (FAS) dan Unit Audit Dalam (UAD) sebagaimana dibincangkan pada sesi sebelum ini. Pelaksanaan perakaunan asas akrual berkemungkinan membuka ruang kepada FAS untuk menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan kementerian memandangkan Kerajaan telah mengamalkan dasar pengurangan pengambilan baru kakitangan atau pewujudan jawatan baru sektor awam. Selain itu, cabaran-cabaran yang akan dihadapi adalah merupakan peluang kepada Jabatan Audit Negara untuk merencanakan strategi lautan biru dengan firma audit swasta dan unit audit dalam.

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara juga melontarkan pertanyaan sama ada pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara terutamanya di Sektor Audit Kerajaan Persekutuan bersedia menghadapi cabaran-cabaran yang telah dibincangkan terutamanya pelaksanaan perakaunan asas akrual (*accrual accounting*). Persoalan seterusnya adalah sama ada pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara memahami sepenuhnya ISSAI dan IPSAS. Bagi tujuan ini beliau mencadangkan supaya tahun 2013 dijadikan tahun latihan terutama berkaitan ISSAI, IPSAS dan perakaunan asas akrual bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi pegawai.

YBhg. Tan Sri juga memaklumkan bahawa penilaian oleh Lembaga Pemantauan Audit (OAB) turut diambil kira dalam menentukan pelantikan FAS oleh Jabatan Audit Negara. Sehubungan itu, semua FAS diingatkan supaya mengekalkan/meningkatkan prestasi masing-masing.

YBhg. Tan Sri seterusnya melahirkan hasrat supaya perkongsian maklumat di antara Jabatan Audit Negara, firma audit swasta (FAS) dan unit audit dalam dapat dipertingkatkan. Sekiranya FAS dilantik oleh Kerajaan Negeri atau mana-mana agensi Kerajaan untuk menjalankan kajian tertentu, hasil kajian tersebut juga hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara apabila diminta berbuat demikian selaras dengan peruntukan di bawah Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mendapatkan apa-apa maklumat berkaitan sesuatu agensi yang diaudit.

YBhg. Tan Sri juga merakamkan ucapan terima kasih kepada FAS yang memberi ruang dan peluang kepada juruaudit daripada Jabatan Audit Negara menjalani program sangkutan di bawah program *cross-fertilisation*.

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara turut mengingatkan semua Unit Audit Dalam (UAD) mengenai peranan UAD dalam meningkatkan akauntabiliti dan integriti Kerajaan. Sehubungan dengan itu, YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara memaklumkan bahawa beliau telah mencadangkan supaya 30% - 40% daripada program tahunan audit bagi UAD adalah pengauditan terhadap perolehan (procurement) Kerajaan. Pengauditan oleh UAD juga hendaklah merangkumi pusat tanggungjawab di negeri.

Sesi dialog berakhir dengan sesi soal jawab antara peserta ahli panel seperti berikut:

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Ahli Panel
1	<p><b>Encik Raja Sunthara a/l Raja Gopal</b>  <b>Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, JAN</b></p> <p>Apakah tindakan yang diambil terhadap FAS yang berprestasi rendah ?</p>	<p><b>Tuan Hj. Aziz Bin Mohd Akil</b></p> <p>Tuan Hj. Aziz memaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara tidak akan mempertimbangkan untuk menyambung kontrak FAS yang prestasinya adalah kurang memuaskan selaras dengan peraturan kewangan semasa.</p> <p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>YBhg. Tan Sri KAN menyarankan supaya perbincangan diadakan dengan FAS yang terlibat bagi mengenal pasti punca kelemahan tersebut sebelum sebarang tindakan diambil. FAS juga diingatkan supaya memberi perhatian yang serius terhadap kerja-kerja pengauditan yang diberikan oleh Jabatan Audit Negara dan tidak menghantar juruaudit yang tidak berpengalaman bagi menjalankan pengauditan.</p>
2	<p><b>Encik Amir Zaki Bin Ahmad</b>  <b>Pengarah Audit JAN Pulau Pinang</b></p> <p>Encik Amir mencadangkan supaya diwujudkan <i>working group</i> antara Jabatan Audit Negara dan FAS dalam persediaan menjalankan pengauditan asas akruan.</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>YBhg. Tan Sri KAN menyatakan bahawa beliau tidak ada halangan dan bersetuju dengan cadangan tersebut.</p>

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Ahli Panel
3	<p><b>Puan Vemala Theyy a/p Periasamy</b>  <b>UAD Kementerian Sumber Manusia</b></p> <p>Mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara menyediakan garis panduan yang lengkap untuk mengaudit perolehan terutama yang melibatkan e-Perolehan.</p>	<p><b>Dr. Masiah Binti Ahmad</b></p> <p>Memaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara dalam proses untuk mengeluarkan garis panduan yang lengkap bagi pengauditan terhadap perolehan dan dijangka akan dapat dilancarkan pada tahun 2013.</p>
4	<p><b>Encik Aminuddin Yahaya Jamal, Amin &amp; Parners</b></p> <p>i. Menyatakan terdapat kakitangan auditi yang tidak mempunyai pengalaman bagi menyediakan penyata kewangan yang lengkap. Dengan ini juruaudit perlu meluangkan masa membimbing auditi untuk menyediakan akaun dengan betul di samping menjalankan pengauditan. Dengan ini tempoh pengauditan terpaksa dilanjutkan. Beliau juga berkongsi pandangan berdasarkan jurnal yang dikeluarkan oleh Malaysia Institute of Accountant. Jurnal tersebut menerangkan faktor yang menyebabkan Unit Audit Dalam (UAD) tidak dapat memainkan peranan sebagaimana sepatutnya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• UAD tidak bebas</li> <li>• Laporan UAD tidak diambil tindakan oleh pihak pengurusan</li> <li>• Pejabat UAD jauh daripada pejabat-pejabat yang lain dan tidak aktif</li> </ul> <p>Beliau mencadangkan supaya UAD turut dijemput menghadiri <i>entrance</i> dan <i>exit conference</i> bagi memperkukuhkan kerjasama antara Jabatan Audit Negara, UAD dan FAS. Selain itu, UAD juga boleh menjalankan pengauditan susulan terhadap perkara-</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>YBhg. Tan Sri KAN memberikan pandangan di mana laporan UAD tidak diambil tindakan yang sewajarnya atau UAD diarahkan menjalankan tugas selain daripada pengauditan tidak sepatutnya berlaku.</p> <p>Berkaitan dengan penglibatan UAD semasa <i>entrance</i> dan <i>exit conference</i>, beliau bersetuju dengan cadangan tersebut kerana mewujudkan kerjasama semua pihak dalam menjalankan tugas adalah sangat mustahak.</p> <p>YBhg. Tan Sri KAN turut memaklumkan bahawa mulai tahun 2012, semua <i>exit conference</i> hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian supaya pihak pengurusan atasan Kementerian maklum mengenai isu yang dibangkitkan serta mengambil tindakan yang sewajarnya. Selain itu, beliau juga memaklumkan bahawa salinan pemerhatian Audit bagi sesuatu jabatan akan turut disalinkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan.</p> <p>Beliau juga mencadangkan supaya apa-apa penemuan oleh FAS mengenai kelemahan pengurusan kewangan sesuatu agensi yang diaudit, perkara tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian/Pegawai Kewangan Negeri supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mengatasi kelemahan tersebut.</p>

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Ahli Panel
	perkara yang dibangkitkan.	
5	<p><b>Encik Mohamad Nasir bin Ismail MGS Accounting</b></p> <p>i. Mencadangkan supaya <i>group email</i> disediakan yang melibatkan pegawai Jabatan Audit Negara, FAS dan UAD supaya setiap permasalahan yang dihadapi semasa pengauditan dijalankan dapat dikongsi bersama.</p> <p>ii. Beliau juga mencadangkan supaya pengauditan khas yang dijalankan oleh FAS atas permintaan agensi Kerajaan, pengauditan tersebut hendaklah dipantau oleh Jabatan Audit Negara.</p> <p>iii. Beliau turut memohon supaya FAS diberi peluang untuk turut serta dalam pelaksanaan/pembangunan perakaunan asas akruan.</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>Cadangan yang baik dan ianya akan dipertimbangkan.</p>
6	<p><b>En Abdul Wahab Bin Ahmad Pengarah Audit, JAN Johor</b></p> <p>Beliau memaklumkan ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh auditi yang perlu diberi perhatian oleh FAS antaranya FAS mengeluarkan surat pengurusan (management letter) tanpa membincangkan terlebih dahulu isu tersebut tersebut dengan auditi atau isu-isu yang telah diberi penjelasan tetapi masih dibangkitkan dalam surat pengurusan. Pada pandangan beliau perkara ini perlu diberi perhatian yang serius bagi mewujudkan suasana kerja yang harmoni antara FAS dan auditi.</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>Beliau mencadangkan supaya Pengarah Audit Negeri bertindak sebagai orang tengah serta bagi membolehkan kepada kedua-dua pihak iaitu FAS dan auditi berbincang mengenai isu yang dibangkitkan. Selain itu, pegawai yang terlibat perlu turun padang untuk memantau perkara ini bagi mengelakkan laporan yang kurang tepat atau isu yang penting tidak dibangkitkan.</p>
7	<p><b>Puan Ilyani Mazlan UAD Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)</b></p> <p>Memaklumkan bahawa pihaknya tidak pernah terlibat dengan perjumpaan dengan FAS sama ada dalam sesi perbincangan atau mesyuarat.</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>YBhg. Tan Sri KAN menyatakan UAD boleh menjalankan kerjasama tanpa halangan.</p>

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Ahli Panel
8	<p><b>Encik Sinaroa a/l Nagayah UAD Kementerian Kerja Raya</b></p> <p>Apakah status program <i>Certified Internal Auditors</i> (CIA).</p>	<p><b>Puan Dr. Masiah Binti Ahmad</b></p> <p>Beliau memaklumkan keutamaan diberi kepada pegawai Jabatan Audit Negara bagi menyertai program ini.</p> <p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>YBhg. Tan Sri KAN pula memaklumkan bagi UAD mereka bolehlah mendapatkan bantuan kewangan daripada agensi masing-masing.</p>
9	<p><b>Dr Nordin Zain Deloitte KassimChan</b></p> <p>Beliau berkongsi pengalaman beliau semasa pertukaran <i>International Accounting Standard</i> (IAS) kepada <i>Financial Reporting Standard</i> (FRS) di mana pada masa tersebut kebanyakan syarikat hanya menunggu standard tersebut dikuatkuasakan tanpa membuat persediaan awal. Kesannya kebanyakan syarikat menghadapi masalah untuk melaksanakannya. Dengan ini beliau mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara, FAS dan Jabatan Akauntan Negara bekerjasama dari awal sebagai persediaan untuk berhijrah dari perakaunan asas tunai kepada asas akruan. Perkongsiaan pengetahuan dan pengalaman ini amat penting bagi menjamin kejayaan pelaksanaan perakaunan asas akruan. Kerjasama ini boleh dicapai dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan <i>working group</i></li> <li>- Jabatan Audit Negara dan FAS menjalankan pengauditan secara bersama</li> <li>- Pemindahan pengetahuan (<i>knowledge transfer</i>)</li> </ul>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>Cadangan yang diberikan adalah baik dan akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan.</p>
10	<p><b>En. Sivadasan a/l Narayan Nair Azman, Wong, Salleh &amp; Co.</b></p> <p>Beliau memohon supaya yuran audit dan <i>out of pocket expenses</i> dikaji semula.</p>	<p><b>YBhg. Datuk Juhari Harun Pengarah Audit JAN Sabah</b></p> <p>Beliau mencadangkan supaya FAS mengemukakan justifikasi bagi menyokong setiap tuntutan tambahan</p>

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Ahli Panel
		<p>yang dipohon.</p> <p><b>Tn. Hj Aziz bin Mohd Akil</b></p> <p>Yuran Audit adalah berdasarkan peraturan kewangan semasa yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.</p>
11	<p><b>Personel Firma Audit Swasta</b></p> <p>Beliau mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara memaklumkan hasil penilaian yang dibuat terhadap FAS dan kedudukan prestasi mereka supaya tindakan penambahbaikan dapat diambil terhadap kelemahan yang dibangkitkan.</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>YBhg. Tan Sri KAN bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan.</p>
12	<p><b>Encik Mega</b></p> <p>Mencadangkan supaya format laporan yang seragam disediakan.</p>	<p><b>Puan Ong Swee Leng Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, JAN</b></p> <p>Beliau menyatakan bahawa penyediaan laporan (management letter) oleh FAS sepatutnya mengikut standard yang ditetapkan serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.</p>
13	<p><b>Encik Hussein Ismail Azman, Wong, Salleh &amp; Co.</b></p> <p>Beliau ingin mendapatkan penjelasan sama ada FAS boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Audit Negara untuk menaikkan yuran audit sekiranya auditi telah bersetuju dengan cadangan tersebut.</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>FAS boleh mengemukakan permohonan dan sekiranya auditi telah bersetuju dengan cadangan FAS untuk menaikkan yuran audit, ini akan memudahkan Jabatan Audit Negara untuk mempertimbangkannya.</p>
14	<p><b>Puan Holesoh Binti Saibon UAD Jabatan Perkhidmatan Awam</b></p> <p>Beliau memaklumkan mengenai kedudukan terkini terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tahun 2012. Menurut beliau, tindakan tatatertib tidak dapat diambil terhadap isu yang dibangkitkan kerana bukti tidak mencukupi. Sehubungan itu beliau ingin mendapatkan pandangan YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara sama ada pihak Audit boleh berkongsi maklumat mengenai bukti yang</p>	<p><b>YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara</b></p> <p>YBhg. Tan Sri KAN memaklumkan bahawa pihak-pihak yang berkenaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Polis DiRaja Malaysia akan menjalankan siasatan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN. Bagaimanapun, sering berlaku keadaan di mana bukti tidak mencukupi untuk mendakwa pihak yang terlibat. Dengan ini, kes tersebut diserahkan semula kepada Kementerian/Jabatan berkenaan untuk</p>

Bil.	Komen/Soalan/Cadangan	Maklum Balas Ahli Panel
	diperolehi semasa pengauditan dijalankan.	<p>dijalankan siasatan dalaman mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.</p> <p>Isu yang berbangkit di sini adalah tahap keseriusan sesuatu kes. Sekiranya kes tersebut mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan disebabkan faktor kecuaiian, tindakan yang lebih tegas seperti tindakan tatatertib sepatutnya diambil. Bagaimanapun, ada Kementerian/Jabatan tidak mengambil sebarang tindakan atau dikenali sebagai <i>nothing happen syndrome</i> dan menimbulkan persepsi yang tidak baik kepada Jabatan Audit Negara seolah-olah Jabatan Audit Negara membangkitkan isu-isu yang remeh.</p> <p>Disebabkan perkara tersebut, Jabatan Audit Negara telah diberi kuasa untuk menjalankan susulan dan memberi pendapat sama ada Kementerian/Jabatan telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap isu yang dibangkitkan atau sebaliknya. Dengan ini Jabatan Audit Negara juga boleh menilai impak terhadap pengauditan yang dijalankan. YBhg. Tan Sri seterusnya memaklumkan bahawa pembentangan LKAN sebanyak 3 kali setahun adalah bagi membolehkan tindakan awal diambil terhadap isu-isu yang dibangkitkan.</p>

Seminar berakhir pada jam 4.15 petang



